



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

AGENDA KEUSAHAWANAN DI INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI

Pembangunan ekonomi sesebuah negara sering dikaitkan dengan aktiviti keusahawanan dalam sesebuah negara tersebut, kerana kegiatan ini mempengaruhi prestasi ekonomi serta tahap produktiviti dan daya saing negara. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah mula mempromosikan pendidikan keusahawanan pada peringkat Pendidikan tinggi secara serius dengan pengenalan Dasar Pembangunan Keusahawanan untuk Institusi Pendidikan Tinggi (DPK-IPT 2010) pada tahun 2010.

Objektif utama dasar ini adalah :

1. Melahirkan graduan yang berkualiti dan memiliki pemikiran, sifat dan nilai keusahawanan
2. Meningkatkan bilangan graduan yang menceburkan diri dalam bidang keusahawanan setelah tamat pengajian
3. Melatih ahli akademik, penyelidik dan pentadbir yang cekap dalam selok-belok keusahawanan

Selain itu matlamat pendidikan keusahawanan di IPT Malaysia juga adalah untuk melahirkan graduan usahawan dan usahawan siswazah yang kompetitif dan lestari. Perkara ini penting agar usahawan ini mempunyai daya saing tinggi, mampu menguruskan perniagaan pada masa hadapan, mewujudkan peluang pekerjaan baharu dan menyumbang kepada ekonomi negara.

Melalui Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2021-2025 telah menggariskan matlamat strategik, strategi dan inisiatif bagi IPT Malaysia dalam usaha melahirkan graduan bercirikan keusahawanan dan usahawan siswazah yang kompetitif dan lestari. 3 Teras yang di tekan dibawah Pelan Tindakan ini iaitu, **Ekosistem Keusahawanan Bersinergi, Kolaborasi Berimpak Tinggi dan Inovasi dan Teknologi dalam Keusahawanan.**

Program-program keusahawanan telah di laksanakan dalam memberi pengetahuan, nilai tambah, pendedahan dan pengukuhan kepada keusahawanan bagi melengkapkan usahawan siswazah untuk menceburi bidang keusahawanan dan mampu mencipta peluang pekerjaan dan pendapatan.

Antara **program-program keusahawanan KPT** yang dilaksanakan adalah seperti :

1. **BUSINESS CHALLENGE @ MOHE (COMPETE)**

Latar Belakang

Program ini melibatkan penyertaan 200 pelajar daripada Universiti Awam, Politeknik dan Kolej Komuniti. Peserta akan melalui peringkat saringan dan 100 peserta yang berjaya akan ke peringkat Business Training & Accelerator Phase yang terdiri daripada 3 fasa latihan. Penilaian akan dilakukan semasa penjurian akhir yang melibatkan peserta membentangkan prestasi perniagaan masing-masing sepanjang tempoh program.

Objektif

- Melahirkan usahawan pelajar semasa dalam pengajian.
- Mendedahkan pelajar dengan strategi pemasaran digital disamping teknik meningkatkan perniagaan.
- Menyediakan medium mentransformasi pemikiran pelajar menjadi job creator melalui aktiviti keusahawanan berstruktur.

Outcome

- Bilangan penyertaan pelajar : 141 org / 87 ke peringkat akhir
- Bilangan IPT terlibat : 13 Universiti Awam, 18 Politeknik dan 20 Kolej Komuniti.
- Bilangan industri / agensi terlibat : 27
- Bilangan pensyarah mentor : 74 orang

Gambar Program



2. BUSINESS MATCHING@KPT

Latar Belakang

Karnival Keusahawanan yang meliputi Entrepreneurial Strategic Collaboration dan Business Matching@KPT merupakan satu inisiatif susulan dimana pemenang bagi program keusahawanan yang dipilih akan diperkenalkan dengan agensi-agensi pemberi latihan, pendanaan serta agensi pemberi khidmat nasihat agar maklumat yang dikongsi dapat dimanfaatkan oleh usahawan pelajar bagi mengembangkan atau menaikkan taraf perniagaan masing-masing. Pengajuran ini mensasarkan kerjasama antara agensi dibawah Kementerian Keusahawanan dan Koperasi (KUSKOP), Institusi kewangan dan agensi-agensi lain yang berkepentingan dalam membangunkan usaha inovasi dan teknologi dalam perniagaan usahawan pelajar.

Objektif

- Menyediakan platform perkongsian maklumat berkaitan bantuan yang ditawarkan oleh agensi terlibat untuk membantu mengembangkan perusahaan dan idea pelajar melalui pendanaan, pepadanan dan khidmat nasihat kepakaran.
- Mewujudkan jaringan kolaborasi diantara usahawan pelajar dan agensi serta antara usahawan pelajar itu sendiri bagi mendukung teras 2 PTK IPT 2021-2025 iaitu Kolaborasi Berimpak Tinggi.
- Membantu usahawan pelajar untuk mempertingkatkan dan menaikkan taraf keupayaan perniagaan yang dijalankan melalui sebuah platform strategik bersama agensi terlibat.

Outcome

- Membantu usahawan pelajar untuk mempertingkatkan dan menaikkan taraf keupayaan perniagaan yang dijalankan melalui sebuah platform strategik bersama agensi terlibat.
- Membantu usahawan pelajar untuk mempertingkatkan dan menaikkan taraf keupayaan perniagaan yang dijalankan melalui sebuah platform strategik bersama agensi terlibat.
- Membantu usahawan pelajar untuk mempertingkatkan dan menaikkan taraf keupayaan perniagaan yang dijalankan melalui sebuah platform strategik bersama agensi terlibat.

Gambar Program



3. PROFICIENCY CERTIFICATE for ENTREPRENEURSHIP EDUCATORS 2022 (ProCEEd 2.0)

Latar Belakang

- Kementerian Pendidikan Tinggi melalui Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi 2016-2020 menggariskan pelaksanaan 4 inisiatif berdasarkan 2 strategi di bawah Lonjakan 1, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPM(PT) bagi membangun graduan berciri keusahawanan unggul dengan menganjukkan minda mereka daripada pencari pekerjaan (job seeker) kepada penjana pekerjaan (job creator).
- Inisiatif ke-4 Pelan Tindakan tersebut di bawah strategi ke-2 Lonjakan 1 PPPM(PT), iaitu melaksana rangka kerja penjana pekerjaan ataupun job creator framework, memfokuskan kepada pengukuhan kompetensi tenaga pengajar keusahawanan sebagai kumpulan enabler yang signifikan untuk melahirkan lulusan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) yang mempunyai orientasi pemikiran keusahawanan dan graduan yang cenderung terhadap kerjaya sebagai usahawan serta berupaya mencipta peluang pekerjaan.
- Pencapaian mereka perlu disokong oleh tenaga pengajar yang kompeten serta mempunyai pemikiran, atribut dan nilai keusahawanan terutamanya dari segi ilmu dan pengalaman praktikal bagi mengelakkan keraguan mengenai kompetensi dan keberkesanan tugas mereka dalam pengajaran dan pembelajaran modul keusahawanan.
- Sehubungan itu, ProCEEd merupakan antara usaha Kementerian di bawah inisiatif ini untuk meningkatkan kompetensi tenaga pengajar dan pembimbing keusahawanan di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT).

Objektif

- Meningkatkan kompetensi dan daya keusahawanan tenaga pengajar dan pembimbing keusahawanan IPT.
- Meningkatkan keberkesanan pedagogi pengajaran dalam pembelajaran keusahawanan lebih entrepreneurial dan efektif.
- Meningkatkan bilangan tenaga pengajar mempunyai kepakaran keusahawanan dan menjadi penasihat atau mentor kepada perniagaan dan projek keusahawanan pelajar



Outcome

Program Latihan keusahawanan diperingkat tertinggi yang bergabung dengan agensi akreditasi antarabangsa yang boleh mendapat kerjasama bagi meningkatkan ilmu keusahawanan dikalangan peserta yang terpilih.

Gambar Program



4. PEMBANGUNAN USAHAWAN AGROTEK PERTANIAN BANDAR

Latar Belakang

- Program ini mampu menyumbang kepada usaha mencapai DKN 2030, Dasar Pembangunan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) 2010 dan Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) 2021-2025 dengan hasrat melahirkan lebih ramai usahawan dalam kalangan graduan dan pelajar.
- Program ini mampu menyumbang kepada usaha mencapai DKN 2030, Dasar Pembangunan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) 2010 dan Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) 2021-2025 dengan hasrat melahirkan lebih ramai usahawan dalam kalangan graduan dan pelajar.

Objektif

- Menerapkan konsep *learn and earn* serta pembelajaran ilmu keusahawanan berasaskan pengalaman berkaitan perancangan, teknologi dan proses pelaksanaan pertanian bandar.
- Memberi pendedahan secara teori dan amali kepada pelajar dan graduan tentang projek pertanian bandar yang berfokuskan sektor pertanian terpilih, iaitu fertigasi terung, hidroponik melon dan cendawan tiram.
- Melahirkan usahawan graduan dan usahawan pelajar sebagai usahawan tani yang berfikiran kreatif, inovatif dan holistik.

Outcome

- Peserta program memulakan perniagaan pertanian bandar (urban farm start-ups).
- Peserta program memulakan perniagaan pertanian bandar (urban farm start-ups)

Gambar Program



UNIVERSITI MALAYA
MAMPAK BERUSAHA

Agropreneur
PROGRAM USAHAWAN AGROTEK PERTANIAN BANDAR

DAFTAR PERMULAAN BERMULAAN
RM 3200
MEMUKHTAMAM

TURUT DISEDIAKAN
ELAUN, PENGINAPAN DAN MAKAN MINUM
PELUANG HENDAPATRATAN PRAKTIKAN DARIPADA PAKAR AGROTEK
MERIT PERINGKAT KEBANGSAAN
KIT PERMULAAN

KRITERIA PERMORONAN
PELAJAR HAZAH SARJANA MUDA

BOLEH MEMBET KOMITMEN SEPANJANG TEMPOR PROJEK (1 FEB - 31 DIS 2023)
BERMINAT DALAM BIDANG AGROTEK

BERKAITAN 31/23 ANJAL

BERKAITAN LAGI, SILA BERTANYA
03-6190 1004
03-6190 1004
03-6190 1004
03-6190 1004
03-6190 1004
03-6190 1004



5. **DIGITAL INNOVATION CREATIVEPRENEUR (DICE)**

Latar Belakang

- Program *Digital Innovation Creativepreneur* (DICE) 2022 merupakan pendekatan dan inisiatif IPT untuk program lintas disiplin (transdisciplinary) seperti industri kreatif dan keusahawanan digital bagi menambah penghasilan creativepreneur di kalangan pelajar IPT. Budaya mencipta kandungan kreatif digital disemarakkan di kalangan pelajar IPT dengan penggunaan teknologi kandungan kreatif multimedia yang sesuai.
- Program ini akan melibatkan 172 orang pelajar dan 42 Pensyarah dari seluruh Universiti Awam dan JPPKK. Di akhir program 43 projek kandungan kreatif digital dihasilkan dan dipertandingkan. Terdapat dua kategori dipertandingkan iaitu kategori video kreatif dan kategori interaktif media. Program ini melibatkan kerjasama 17 industri dan agensi berkaitan kandungan kreatif digital seperti MDEC, Cradle, Mranti, KRU Studio, Warnakala Studio dan lain-lain.


Objektif

- Melatih pelajar yang mempunyai ciri-ciri kemahiran keusahawanan kreatif yang memanfaatkan inovasi dan teknologi digital dalam kandungan kreatif multimedia.[Fasa 1].
- Mendedahkan dan memperkasakan kebolehpayaan kepada pelajar terpilih untuk mereka cipta dan membangunkan sendiri projek kandungan kreatif digital [Fasa 2].
- Menyediakan persekitaran untuk peserta membentangkan projek dan teknologi digital berkaitan keusahawanan kreatif. [Fasa 3].

Outcome

- 43 syarikat pemula pelajar berdasarkan kandungan kreatif digital berdaftar dengan pusat keusahawanan.
- Maklumat projek disalurkan kepada pihak MDEC untuk permohonan dana MDEC.

Gambar Program



6. PERTANDINGAN USAHAWAN INOVASI PIALA MENTERI PENGAJIAN TINGGI 2022

Latar Belakang

- Pertandingan ini akan menjadi platform terbaik kepada pelajar sebagai ruang dan peluang untuk mereka menyampaikan idea kreativiti dalam perniagaan kepada pihak industri agar idea mereka dapat dikembangkan di peringkat lebih berdaya saing yang membolehkan produk mereka diaplikasikan sebagai sebuah perniagaan yang mampan agar mereka akan menjadikan Keusahawanan sebagai kerjaya pilihan selepas bergraduat.

Objektif

- Memberi pendedahan kepada peserta untuk mengembangkan idea kreativiti & inovasi mereka melalui Business Model Canvas dan Rancangan Perniagaan.
- Meningkatkan jaringan perniagaan antara pelajar dan industri melalui aktiviti keusahawanan.
- Menggalakkan usahawan siswa menghasilkan produk inovasi dan reka cipta yang berkualiti dengan mempunyai nilai komersial yang tinggi untuk dipasarkan di pasaran *domestic* dan global.

Outcome

- Seramai 126 orang pelajar dan 29 Mentor telah menerima pendedahan secara langsung kepada bidang keusahawanan samada sebagai penceramah, peniaga, peserta dan juga pengurusan majlis/program.
- Kesemua 126 peserta berpeluang untuk mempamerkan produk inovasi dan reka cipta yang berkualiti kepada agensi pendanaan sewaktu pertandingan akhir. Ini akan meningkatkan potensi bagi meluaskan pasaran produk keusahawanan siswa ke peringkat yang lebih komersial dan berdaya saing.
- Kesemua 126 peserta berpeluang untuk meningkatkan kemahiran seperti kemahiran komunikasi, disiplin kerja, kreativiti dan inovatif, permuafakatan dalam kerja berkumpulan dan mempunyai jati diri yang tinggi yang menjadi tuntutan utama industri.

Gambar Program



7. (IMPACT DIGITAL ENTREPRENEURSHIP APPRENTICE - IDEA@KPT)

Latar Belakang

- Program IDEA @ KPT- Kategori Pertengahan dan Lanjutan IPT 2019.
- Memanfaatkan Perdagangan Digital (Digital Commerce) dengan Siswa Universiti Awam, Politeknik dan Kolej Komuniti dalam memberikan khidmat dan kepakaran mereka kepada pihak usahawan IKS yang berpotensi untuk dibangunkan ke arah pemasaran digital.
- Melalui program IDEA @ KPT, kemahiran inovasi digital, khususnya kemahiran pemasaran digital di kalangan graduan dapat dimanfaatkan ke arah pemantapan pemasaran produk atau perkhidmatan yang ditawarkan oleh usahawan IKS.

Objektif

- Memberi peluang kepada pelajar untuk mendalami ilmu pengetahuan dan kemahiran keusahawanan dan pemasaran digital, sama ada secara talian mahupun melalui pembelajaran dan latihan secara bersemuka.
- Memberi pendedahan dan kesedaran kepada pelajar berhubung peluang perniagaan melalui aplikasi digital dan sosial media dalam mencipta peluang perniagaan pada masa kini, terutamanya pada era pasca Covid-19.
- Menjalankan kerjasama dengan agensi di bawah MEDAC iaitu TEKUN NASIONAL dan pelbagai agensi khusus kepada penyenaiaan IKS, bimbingan pembangunan perniagaan dan klinik perniagaan masing-masing.

Outcome

- Pengukuran impak pemasaran digital dikira dari segi kewujudan (visibility) penjenamaan perniagaan di media sosial, bilangan pengikut (likers/followers) dan juga bilangan peningkatan pendapatan hasil daripada strategi pemasaran digital yang dibangunkan oleh pelajar.
- Program pengukuhan perlu disediakan untuk pelajar yang menyertai program ini bagi memastikan pelajar menubuhkan syarikat dan menjadi usahawan.
- Kerjasama dengan agensi lain untuk memperkukuhkan/ membangunkan usahawan pelajar/ usahawan graduan yang menyertai program ini

Gambar Program

